

RETORIK DALAM NOVEL-NOVEL ABDULLAH HUSSAIN

Sobariah binti Baharum, PhD

Abstrak

Kajian ini merupakan kajian deskriptif yang menggunakan Teori Retorik sebagai asas kajian. Kaedah analisis kandungan digunakan untuk meneliti teks secara tekstual dan kontekstual. Tumpuan utama atau objektif kajian adalah untuk mengenal pasti jenis, struktur dan gaya retorik yang terdapat dalam novel-novel Abdullah Hussain. Dapatan kajian menunjukkan bahawa semua jenis retorik iaitu jenis naratif, deskriptif, eksposisi, argumentatif dan persuasif terdapat dalam novel-novel Abdullah Hussain. Berdasarkan analisis dari sudut struktur, didapati bahawa retorik digunakan dalam semua bentuk bahasa sama ada dalam bentuk kata, frasa, klausa, ayat, atau wacana. Manakala analisis dari sudut gaya retorik menghasilkan dapatan yang menunjukkan bahawa Abdullah Hussain menggunakan pelbagai gaya retorik iaitu gaya perbandingan, pertautan, pertentangan dan perulangan yang diolah sebaik mungkin dalam karya-karya beliau. Dalam erti kata lain, retorik dalam penulisan merupakan elemen penting yang digunakan pengarang dalam menghidupkan karya dan mempengaruhi pemikiran pembaca.

Abstract

This descriptive study is based on the Rhetoric Theory. The content analysis approach is used to examine the texts' context and contextual elements. The main objective or focus of the study is to identify the type, structure, form, and the style of the rhetoric used in these Abdullah Hussain's novels. The findings of this research shows that the author used five types of rhetoric in his novels, namely, narrative, descriptive, exposition, argumentative and persuasive. From the structural analysis perspective, the rhetoric types used in the novels are the grammatical and lexical items, phrases, clauses, sentences as well as discourses. The research findings reveal that the author's rhetoric style usage includes comparative stylistic, repetition and highlighting, confrontational approaches and extensive usage of linguistic forms of proverb and metaphor. Hence, rhetoric is an important element utilized in the writing of an author to gloss up his works as well as to win over his audience.

Pengenalan

Retorik ialah seni penulisan atau pengucapan yang berkesan iaitu seni yang memberikan tumpuan kepada gaya, strategi, bahan, dan khalayak. Selain itu, retorik juga merupakan seni atau kepandaian komunikasi yang efektif. Menurut Kamus Dewan Edisi Ketiga (1994), retorik bermaksud teknik pemakaian bahasa secara berkesan dalam penulisan dan pertuturan. Maksud lain bagi retorik ialah seni penggunaan atau pemakaian bahasa yang indah dan menarik untuk memujuk atau mempengaruhi pemikiran pembaca dan pendengar.

Menurut Asmah (1998), retorik bermakna kajian tentang penggunaan bahasa secara berkesan. Berdasarkan konteks yang sesuai, retorik juga dapat diertikan sebagai

keupayaan menggunakan bahasa secara berkesan, atau juga ciri-ciri yang berkesan dalam bahasa. Retorik menyentuh hal yang berkaitan dengan cara menyampaikan pendapat, idea, dan saranan, atau cara menghuraikan sesuatu wahana kepada penulis untuk mempersembahkan pemikirannya, tanggapannya, atau perasaannya dengan jelas dengan gaya yang berkesan. Pemahaman penulis tentang retorik dan kecekapan menerapkannya amat penting untuk membolehkannya menghasilkan penulisan yang terdiri daripada wacana yang kukuh. Beberapa jenis retorik yang lazim digunakan dalam sesuatu penulisan atau karya ialah retorik pendedahan atau eksposisi, naratif, deskriptif, penghujahan dan pemujukan. Antara jenis tersebut, retorik pendedahan atau eksposisi merupakan retorik paling umum digunakan dalam penulisan, malah dianggap retorik paling asas. Retorik jenis ini digunakan dalam membuat pendedahan sesuatu isu, konsep, pandangan, proses dan sejarah sesuatu dengan menggunakan teknik sama ada deduktif, induktif atau analogi. Secara lebih mendalam, retorik pendedahan merupakan cara penulis menyampaikan idea atau pandangan, menginterpretasi peristiwa, menganalisis masalah sosial dan isu politik, menghuraikan hasil kajian, menerangkan konsep, memberikan definisi, dan sebagainya. Malah dalam mengapilikasi retorik jenis-jenis lain sama ada jenis naratif, deskriptif, penghujahan, atau pemujukan, unsur retorik pendedahan turut digunakan sebagai penerapan. Retorik pemujukan bermatlamat memujuk pembaca berbuat sesuatu, seperti yang diharapkan penulis. Keupayaan penulis untuk menguasai audiens amat penting. Diksi yang tepat dan jalinan ayat yang kemas dan pelbagai memainkan peranan penting kerana kedua-duanya dapat memberikan tenaga kepada penulisan untuk menarik perhatian pembaca.

Hal yang sama turut dikemukakan oleh Stott dan Avery (2001) yang menyatakan bahawa sesuatu penulisan yang baik memerlukan gaya yang berkesan. Gaya merupakan perkataan yang digunakan untuk menjelaskan cara penutur atau penulis melahirkan idea atau perkara yang ingin disampaikan kepada pendengar atau pembaca. Dalam kajian tersebut, antara aspek yang diteliti ialah aspek pemilihan kata, struktur ayat dan susunan kata, penggunaan bahasa kiasan seperti metafora dan simile, dan penggunaan unsur-unsur retorik.

Penyataan Masalah

Kajian mengenai novel-novel Melayu banyak dilakukan oleh para penulis, kritikawan dan para sarjana tempatan. Hal ini membuktikan betapa genre itu cukup digemari, popular dan penting dibicarakan dalam konteks perkembangan bahasa dan kesusasteraan. Beberapa kajian retorik pernah dilaksanakan oleh pengkaji bahasa, namun kajian tersebut tidak menyeluruh dan hanya memberi tumpuan kepada sesuatu aspek sahaja misalnya dengan meneliti retorik iklan atau perniagaan, retorik kepengarangan, retorik dakwah, dan retorik politik. Misalnya kajian Jamil Yakyah (2000) yang meneliti aspek retorik dalam laras bahasa iklan. Look Thien Jee (1997), meneliti retorik dalam penjualan insurans berdasarkan analisis Prinsip Kerjasama dan Prinsip Kesopanan, dan kajian Chong Chaik Chin (1999) yang mengkaji bahasa gimik dalam iklan. Berdasarkan kajian terhadap novel-novel di atas, jelas menunjukkan bahawa kajian yang memberi tumpuan khusus kepada aspek retorik secara ilmiah masih kurang. Oleh itu kajian ini yang secara langsung memberi fokus kepada aspek retorik akan mewujudkan tanggapan dan sumbangan baru dalam sastera sebagai komponen yang mendaulatkan bahasa Melayu. Novel merupakan satu karya yang sesuai untuk kita melihat unsur retorik yang dapat menarik minat khalayak untuk

membacanya. Karya novel mempengaruhi khalayak dalam kehidupan melalui gagasan yang disampaikan oleh pengarang. Karya-karya yang dihasilkan oleh Abdullah Hussain telah diakui mempunyai kekuatan dan keistimewaan tersendiri sama ada dari sudut pemikiran, bahasa, minda Melayu, sastera Islam dan sumbangannya dalam mengangkat citra dan martabat bahasa dan sastera Melayu. Novel-novel beliau bukan bersifat nusantara tetapi universal. Misalnya novel ‘Terjebak’ karya beliau pernah diterjemah ke bahasa Swedish, tempat penganugerahan Hadiah Nobel di Sweden.

Objektif Kajian

Mengenal pasti jenis, struktur, dan gaya retorik dalam novel-novel Abdullah Hussain.

Kepentingan Kajian

Bahasa menjadi elemen utama sebagai perantara pengarang dan pembaca. Pembaca akan dapat menghayati mesej yang disampaikan oleh pengarang terutama dalam penulisan novel. Novel merupakan khazanah bangsa yang tinggi nilainya. Oleh sebab itu, banyak ahli bahasa menggunakan novel sebagai sumber kajian. Kajian ini melibatkan bidang semantik iaitu untuk mengkaji penggunaan bahasa dan gaya retorik dalam novel-novel Abdullah Hussain. Kajian ini diharap dapat menambahkan khazanah ilmu kepada masyarakat. Pengkaji bahasa dan pembaca perlu memberi perhatian kepada retorik yang merupakan salah satu unsur kreatif dalam novel. Keindahan seni berbahasa ini memang menjadi budaya masyarakat Melayu sejak dahulu lagi bagi mengungkapkan kata-kata secara sopan yang membawa maksud tersirat.

Selain itu, kajian ini akan memberi kefahaman terhadap jenis-jenis retorik dalam novel-novel Abdullah Hussain. Pemikiran masyarakat Melayu menunjukkan tamadun bangsa Melayu yang tinggi, setanding dengan budaya pemikiran masyarakat lain di dunia. Generasi sekarang perlu memberi perhatian dalam hal ini supaya mereka menghargai dan berasa bangga dengan warisan yang dimiliki oleh bangsa Melayu yang menggambarkan keindahan, kesenian dan kesantunan bahasa kita. Seterusnya akan lahir pemimpin dan masyarakat yang akan melonjakkan pemikiran yang kritis dan kreatif dengan budaya yang cemerlang. Kajian ilmiah ini juga mengandungi kepentingan untuk memberi pemahaman tentang struktur retorik dalam novel-novel Abdullah Hussain. Novel-novel yang bermutu merupakan karya yang menjadi kebanggaan masyarakat yang diwakilinya.

Skop Kajian

Kajian ini bertumpu kepada retorik yang terdapat dalam lima buah novel karya Sasterawan Negara, Abdullah Hussain iaitu *Terjebak* (1977), *Masuk Ke Dalam Cahaya* (1983), *Imam* (1995), *Interlok* (1996) dan *Konserto Terakhir* (2001). Perkara yang dibincangkan adalah berkaitan dengan aspek yang dikaji sahaja iaitu jenis-jenis retorik, struktur retorik, dan gaya retorik. Teori Retorik Moden oleh Enos dan Brown (1993) digunakan dalam kajian untuk melahirkan pemahaman yang mendalam terhadap bidang kajian, selain untuk meneliti dan mengenal pasti, jenis, struktur, dan gaya retorik yang terdapat dalam novel-novel Abdullah Hussain.

Kajian Lepas

Antaranya adalah daripada kajian Mohd. Husin Baharuddin (1998), *Persoalan Sosial dalam Novel-Novel A. Samad Said*. Kajian mendapati bahawa persoalan sosial terus wujud tanpa mengira tempat dan waktu selagi manusia berkuasa dan ingin menguasainya. Kajian juga memperlihatkan bahawa segala persoalan sosial yang wujud merupakan suatu realiti yang pernah dilihat dan dialami oleh Samad. Jumali Selamat (2001), *Cerminan Sosial dan Nilai Murni dalam Novel-novel Remaja*. Kajian mendapati bahawa novel dapat mengetengahkan faktor-faktor yang mempengaruhi perkembangan dan keperluan novelis serta masa depan remaja. Novel turut berperanan memberi hiburan dan pengajaran. Jamil Yakyah (2000), 'Laras Bahasa Iklan: Retorik dan Semantik'. Kajian mendapati bahawa penggunaan bahasa yang betul dapat mengelakkan berlakunya kekaburan makna dalam iklan dan penelitian terhadap konteks.

Huszaidi Hussin (2001) dalam disertasi berjudul *Budaya Perantau Masyarakat Makassar: Satu Kajian Novel-novel Terpilih Arenawati*. Objektif kajian adalah untuk mengenal pasti faktor-faktor berlakunya budaya perantau, amalan budaya dan kegiatan ekonomi masyarakat Makassar di perantauan. Kajian mendapati bahawa masyarakat Makassar menjadi perantau sebab beberapa faktor iaitu faktor tradisi, ekonomi, penjajahan, peluang pendidikan dan kemajuan perbandaran di tempat yang dituju. Selain itu kajiannya mendapati masyarakat perantau Makassar yang membina hidup baru di perantauan mengekalkan amalan budaya mereka yang berasaskan nilai agama, semangat kedaerahan, dan budaya rajin bekerja. Masyarakat Makassar juga mengamalkan pelbagai kegiatan ekonomi semasa di perantauan. Mereka tetap mengamalkan nilai-nilai baik daripada tempat asal mereka walaupun berada di perantauan. Gaya bahasa kajian dapat mengungkapkan kebolehan menyampaikan mesej dengan unsur-unsur bahasa yang menarik dan khalayak dapat memahaminya. Kajian ini masih mempunyai beberapa kekurangan bagi pengkaji bahasa kerana kajian hanya berkait dengan aspek sosial dan budaya masyarakat. Aspek bahasa dan struktur ayat tidak diberikan tumpuan.


Octavian G. Gabor (2002) telah membuat penyelidikan dengan tesis berjudul 'Penulisan Dialog dalam Falsafah dan Kesusasteraan: Kajian Terhadap Crito dan Gorgias oleh Plato dan Nightmare Abbey oleh Peacock'. Objektif kajian adalah untuk menjelaskan penggunaan penulisan dialog dalam dalam falsafah dan kesusasteraan. Hasil kajian mendapati kedua-dua tokoh iaitu Plato dan Thomas Peacock menggunakan dialog dalam karya tetapi terdapat perbezaan dari segi genre, pengolahan dan bentuk antara kedua-duanya. Peacock menggunakan dialog dalam karya kesusasteraan manakala Plato menggunakannya dalam falsafah. Hasil kajian juga mendapati dalam dialog sastera dan falsafah tidak nampak pandangan penulis tersurat secara jelas sebaliknya secara tersirat. Amanat penulis tersembunyi di sebalik dialog-dialog wataknya. Kesimpulannya, dalam novel dan falsafah dialog merupakan alat paling berkesan untuk menyampaikan idea atau pemikiran penulis. Keris Mas (1990), telah membincangkan gaya bahasa dalam novel dan cerpen melalui sesi perbincangan terhadap gaya bahasa yang digunakan oleh pengarang dalam hasil karya mereka. Berdasarkan novel *Saudagar Besar Dari Kuala Lumpur*, Keris Mas memperlihatkan bagaimana bahasa kiasan digunakan terutama sisipan bahasa, perumpamaan, bidalan, perbandingan dan kehalusan makna. Suparman Natawidjaya (1986), menghuraikan penggunaan unsur-unsur bahasa dalam sesuatu karya misalnya peribahasa, ungkapan,

kalimat dan pelbagai unsur gaya bahasa termasuklah bahasa kiasan seperti metafora, metonimi, personifikasi, simbolik dan lain-lain.

Retorik Moden oleh Enos dan Brown (1993) melahirkan pemahaman yang mendalam terhadap bidang kajian, selain untuk meneliti dan mengenal pasti, jenis, struktur, dan gaya retorik yang terdapat dalam novel-novel Abdullah Hussain yang menjadi landasan kajian ini. Retorik Moden mengelaskan retorik kepada dua bidang iaitu retorik pengucapan dan retorik penulisan. Retorik pengucapan memberi tumpuan kepada keterampilan berkomunikasi di hadapan khalayak seperti dalam pidato atau pengucapan awam yang bermatlamat akhir memberi keyakinan dan mempengaruhi pendengar. Retorik penulisan memberi tumpuan terhadap penggunaan bahasa yang berseni atau mempunyai nilai estetika yang tinggi dalam pelbagai wacana penulisan kreatif seperti novel, cerpen dan puisi, atau dalam penulisan bukan kreatif seperti esei, teks ucapan, iklan, rencana dan sebagainya yang bermatlamat akhir mempengaruhi pembaca.

Kerangka Konsepsi Kajian

Kerangka konsepsi kajian ini dibentuk berdasarkan Teori Retorik Moden oleh Enos dan Brown (1993). Ini dapat dilihat dalam Rajah 1. Rasional di sebalik penggunaan Teori Retorik Moden adalah untuk melahirkan pemahaman yang mendalam terhadap bidang kajian, selain untuk meneliti dan mengenal pasti jenis, struktur, dan gaya retorik yang terdapat dalam novel-novel Abdullah Hussain yang menjadi landasan kajian ini.



Rajah 1 : Kerangka Konsepsi Kajian
Dirangka berdasarkan Teori Retorik Moden oleh Enos dan Brown (1993)

Dapatan Kajian

Dapatan kajian menunjukkan bahawa semua jenis retorik iaitu jenis naratif, deskriptif, eksposisi, argumentatif dan persuasif terdapat dalam novel-novel Abdullah Hussain.

Berdasarkan analisis dari sudut struktur, didapati bahawa retorik digunakan dalam semua bentuk bahasa sama ada dalam bentuk kata, frasa, klausa, ayat, atau wacana. Manakala analisis dari sudut gaya retorik menghasilkan dapatan yang menunjukkan bahawa Abdullah Hussain menggunakan pelbagai gaya retorik iaitu gaya perbandingan, pertautan, pertentangan dan perulangan yang diolah sebaik mungkin dalam karya-karya beliau. Contohnya, Abdullah Hussain juga menggunakan naratif dalam penulisannya bagi novel *Masuk Ke Dalam Cahaya* (Abdullah Hussain, 1983). Antaranya adalah seperti yang berikut;

1. Tuhanmu telah memerintah supaya kamu jangan menyembah selain daripada-Nya dan berbuat baik kepada ibu bapa. Jika salah seorang antara keduanya ataupun kedua-duanya telah lanjut usianya dalam pemeliharaanmu, janganlah kau katakan kepada mereka 'ah' dan jangan pula engkau herdik dan hendaklah kauucapkan perkataan yang mulia kepadanya keduanya. Dan berendah dirilah kepada keduanya kerana kasih sayang dan berdoalah.

(Hal.43)

2. "Negeri ini ada undang-undang. Kampung ini ada peraturan. Siapa yang bersalah, besar atau kecil kesalahannya itu, maka ia akan ditimbang oleh jawatankuasa tetatertib. Jawatankuasa itulah yang membuat keputusan. Kalau bersabit dengan kesalahan hukum syarak, ia diserahkan kepada mahkamah negeri. Kita belum boleh menjalankan hukum-hukum Islam, kerana orang terlalu takut mendengar hukum potong tangan kalau mencuri, hukum sebat atau direjam sampai mati kalau berzina," ujar Leong.

(Hal. 86)

3. Usul itu telah di terima dengan sebulat suara dan satu jawatankuasa penyidik pun dibentuk dengan hasut II sebagai ketua, khianat II sebagai timbalannya, dan Takbur sebagai setiausaha.

(Hal. 150)

(Abdullah Hussain,1983, *Masuk Ke Dalam Cahaya*)

Abdullah Hussain menggunakan retorik jenis naratif untuk menceritakan situasi atau peristiwa ceramah dalam contoh 1. Ceramah atau syarahan tersebut membawa maksud Allah memerintah kamu jangan menyembah selain daripada-Nya. Kita hendaklah berbuat baik, menyayangi, menghormati, dan sentiasa mendoakan kesejahteraan kedua ibu bapa kita. Maknanya juga amat mudah difahami. Misalnya 'berendah diri' membawa maksud tersirat iaitu hormat dan dalam konteks naratif atau penceritaan ini ia membawa maksud hormat kepada kedua-dua ibu bapa. Pengarang menggunakan retorik jenis naratif. Contoh 2 pula menceritakan hal undang-undang negeri dan peraturan kampung. Sesiapa yang bersalah akan diadili oleh jawatankuasa

tatatertib. Kalau bersabit dengan kesalahan hukum syarak akan diserahkan kepada mahkamah negeri. Contoh 3 pula menceritakan hal usul mesyuarat telah diterima oleh semua dan dibentuk jawatankuasa penyelidik iaitu hasut II sebagai ketua, khianat II sebagai timbalan dan Takbur sebagai setiausaha.

Dalam novel *Konserto Terakhir* (Abdullah Hussain, 2001), pengarang menggunakan deskriptif dalam penulisannya. Antara contohnya adalah seperti yang berikut;

1. Hilmi terlalu terperanjat. Seketul darah dari jantungnya memercikkan isinya ke kepala. Dia pucat tidak berdarah. Gementar. Mata hitamnya hilang dan dia jatuh dari bangkunya. Sejurus Mak Minah terpinga-pinga. Hilang punca. Tetapi untunglah Hilmi lekas pula sedar setelah disiram air ke mukanya.

(Hal. 55)

2. Tetapi mengapa hatinya berdebar-debar dan dalam cahaya matahari senja yang ungu yang sedang bergelut dengan gelap malam itu, dia tiba-tiba melihat semua bunga-bunganya berubah menjadi ungu belaka. Dia memandang ke arah matahari yang sedang ayun-temayun di kaki langit. Dia melihat warnanya juga menjadi ungu pokok-pokok ru dengan jarumnya yang jauh tumbuh di tepi jalan juga berwarna ungu.

(Hal. 59)

(Abdullah Hussain, 2001, *Konserto Terakhir*)

Contoh 1 menunjukkan pengarang menggambarkan peristiwa yang menimpa Hilmi menggunakan retorik deskriptif. Pengarang menggambarkan peristiwa dan situasi Hilmi yang amat terperanjat sehingga mukanya pucat dan dia begitu gementar sehingga hilang tumpuan. Akhirnya Hilmi pengsan tidak sedarkan diri. Keadaannya pulih semula apabila Mak Minah menyiramkan air ke mukanya. Keadaan Hilmi yang terlalu terperanjat dinyatakan dengan menggunakan beberapa klausa iaitu 'seketul darah dari jantungnya memercikkan isi ke kepala' menggunakan petanda retorik. Klausa 'dia pucat tidak berdarah', 'gementar' juga menggambarkan perasaan terkejut. Seterusnya klausa 'mata hitamnya hilang' dan 'dia jatuh dari bangkunya' menggambarkan Hilmi pengsan. Mak Minah yang terpinga-pinga menyiram air ke muka Hilmi dan akhirnya Hilmi sedar. Jelas di sini, penggunaan retorik oleh pengarang menjadikan penulisan akan lebih berkesan apabila pembaca dapat memproses maklumat untuk menginterpretasikan makna. Makna pragmatik atau makna yang dihasratkan oleh pengarang yang sama dengan penerimaan pembaca akan lebih tinggi darjah kerelevanannya. Contoh 2 juga menunjukkan pengarang cuba menggambarkan keadaan peristiwa dengan menggunakan pancainderanya melalui watak. Hal ini dinyatakan dengan petanda retorik iaitu klausa 'hatinya berdebar-debar'. Pengarang menggunakan keindahan bahasa bagi retorik jenis deskriptif yang dinyatakan dengan frasa dan klausa seperti 'cahaya matahari senja yang ungu', 'bunga-bunganya berubah menjadi ungu', dan 'pokok-pokok ru dengan jarumnya yang jauh tumbuh di tepi jalan juga berwarna ungu'. Pengarang juga menggunakan keindahan bahasa dalam retorik jenis deskriptif untuk menarik minat pembaca menginterpretasikan makna menggunakan Teori Retorik. Hal ini disokong oleh

Prinsip Retorik yang menyatakan retorik cenderung menggunakan diksi yang bersifat artistik yang mempunyai kehalusan makna. Berikut diperturunkan beberapa contoh penggunaan kata yang bersifat abstrak (bergaris) daripada novel ‘Masuk Ke Dalam Cahaya’ (Abdullah Hussain, 1983);

1. Zaman sekali lagi merasa perasaannya meluat panas. Sengihan Munir itu seperti mengejeknya. (hal.20)
2. Perjalanan kita tidak berhujung kalau tanpa tujuan. (hal.26)

Contoh 1 di atas terdiri daripada dua ayat yang berunsur retorik. Ayat pertama mengandungi kata abstrak *perasaan*, manakala ayat kedua pula kata abstrak *sengihan*. Dari segi makna leksikal, *perasaan* bermaksud hasil atau perbuatan merasa dengan badan atau kulit, atau perihal merasai dalam hati atau batin. Dalam konteks peristiwa, kata *perasaannya meluat panas* membawa maksud yang bersifat emotif iaitu rasa marah atau geram Zaman terhadap Munir kerana di dalam hatinya dia beranggapan Munir menjadi penyebab yang menghalangnya untuk meneruskan perjalanan. Dia menganggap seolah-olah Munir memaksanya supaya singgah makan di rumahnya, dan menyangka mungkin Munir juga yang berbuat sesuatu sehingga keretanya tidak berjaya dihidupkan. Dalam konteks yang tersirat, kata *perasaannya meluat panas* tersebut membawa konotasi sinis pengarang terhadap sesetengah orang yang mudah bersikap prasangka terhadap orang lain walaupun pada hakikatnya orang itu berniat baik dan ikhlas ingin menolong ketika melihat seseorang dalam kesusahan.

Kata *sengihan* dalam maksud biasa bererti hasil perbuatan membuka sedikit mulut sehingga menampakkan gigi. Dalam konteks peristiwa, keadaan Munir yang tersengih menghadapi Zaman ketika Zaman dalam keadaan marah memperlihatkan sifat yang bertentangan. Dalam maksud tersirat, pengarang melontarkan pemikiran tentang pertentangan emosi dan peribadi antara dua orang yang berlainan latar belakang. Pertama, tentang seorang yang sedang menghadapi pelbagai konflik dalam jiwanya lantaran hidupnya yang terasa kosong, tidak menyenangkan kehidupannya akibat keluarga yang terlalu materialistik yang dilambangkan melalui watak Zaman manakala keduanya pula tentang seorang yang bersifat ikhlas, lurus dan bersih jiwanya, hidup sederhana bersendikan agama dan sentiasa mengamalkan ajaran Allah S.W.T. yang dilambangkan melalui watak Munir dan keluarganya. Malah pengarang turut menyampaikan amanat bahawa ajaran Islam amat memandang mulia orang yang selalu mengajak orang makan di rumah atau menjamu fakir miskin dan musafir seperti yang dilakukan oleh bapa Munir. Penginterpretasian makna ini diperoleh melalui penelitian terhadap set konteks yang terdapat dalam cerita, iaitu melalui peristiwa yang dipaparkan sebelumnya. Contoh 2 merupakan ungkapan retorik *Perjalanan kita tidak berhujung* merupakan perbandingan langsung, iaitu membandingkan kata abstrak *perjalanan* yang bermaksud perihal berjalan dengan suatu ukuran yang bersifat infinit, tanpa had atau tanpa limitasi. Dalam konteks yang lebih luas, *perjalanan* bukan semata-mata bermaksud perihal berjalan tetapi sesuatu yang berkaitan dengan kehidupan seseorang. Pengarang menyampaikan amanat bahawa setiap manusia mesti mempunyai tujuan hidup dan setiap manusia akan menghadapi saat kematian yang merupakan pengakhiran kepada perjalanan hidup mereka di alam duniawi. Dengan mengingati kematian, manusia akan sentiasa mengingati Allah S.W.T., seterusnya bersifat ‘amal maaruf nahi mungkar’ iaitu mengamalkan suruhan-Nya dan meninggalkan larangan-Nya. Dalam erti kata lain,

ungkapan tersebut membawa kesan konteks yang tajam dan halus untuk difikirkan oleh pembaca, sesuai dengan tema novel yang berunsur keagamaan iaitu tentang keimanan yang diibaratkan sebagai cahaya yang menjadi penerang bagi seseorang itu keluar dari kegelapan atau kekufuran. Penggunaan struktur kata seperti kata abstrak dalam novel ini menunjukkan pengarang selaras dengan kenyataan Rahman Shaari (1993), metafora adalah bahasa kiasan yang menyatakan sesuatu yang lain dan sesuatu objek atau abstrak diberikan sifat objek lain dengan menganggap objek yang kedua itu mempunyai aspek-aspek persamaan dengan objek yang pertama.

Contoh-contoh simile dapat dilihat penggunaannya oleh Abdullah Hussain dalam novelnya *Konserto Terakhir*. Antaranya adalah seperti yang berikut;

1. Hilmi memasang telinganya dengan bersungguh-sungguh. Dia tidak berapa jelas akan percakapan mereka. Bunyi berdengung *macam kumbang*.

(Hal. 56)

2. Perasaan senangnya *bagai air yang melimpah-limpah* kerana mendapat hadiah daripada Hayati, yang sama sekali tidak pernah dimimpikan olehnya.

(Hal. 110)

(Abdullah Hussain, 2001, *Konserto Terakhir*)

Novel *Imam* (Abdullah Hussain, 1995) juga terdapat penggunaan asindeton atau ulangan tanpa kata hubung. Antara contoh ayat yang terdapat dalam novel ini adalah seperti yang berikut;

1. Agama Islam itu agama yang bersih, maka sikap berpakaian sambil lewa pada waktu baik yang lima waktu apatah lagi yang khusus seperti hari Jumaat, pada perasaannya sudah tidak dapat diterima lagi.

(Hal. 23)

Demikianlah beberapa contoh penggunaan retorik daripada novel-novel Abdullah Hussain.

Implikasi dan Cadangan

Berdasarkan analisis terhadap gaya retorik, didapati ketiga-tiga gaya retorik iaitu retorik perbandingan, pertautan dan pertentangan digunakan secara meluas oleh pengarang dalam novel-novel beliau sama ada secara langsung atau secara tidak langsung. Penggunaan secara langsung melalui dikesan melalui teks yang berbentuk pernyataan, pendedahan dan pemerian seperti penulisan bentuk naratif, deskriptif, dan eksposisi. Manakala secara tidak langsung dikesan dalam penulisan berbentuk dialog, penghujahan atau pemujukan. Gaya retorik perbandingan yang banyak dikesan ialah unsur-unsur simile, metafora, personifikasi, alegori, perifrasis, tautologi, antitesis dan lain-lain. Retorik pertautan pula melibatkan unsur-unsur gaya seperti asidenton, polisindeton, metonimi, sinekdok, alusi, eufemisme, epitet, paralelisme, dan lain-lain. Manakala retorik pertentangan pula melibatkan unsur-unsur gaya seperti hiperbola, litotes, ironi, paradoks, sinisme, sarkasme dan lain-lain. Analisis terhadap gaya retorik tersebut telah menemukan implikasi bahawa selain menggunakan kata-kata biasa yang mudah difahami, Abdullah Hussain juga

cenderung menggunakan gaya bahasa yang bersifat figuratif. Berdasarkan analisis terhadap jenis retorik pula melahirkan implikasi bahawa terdapat kepelbagaian dalam corak penyampaian pemikiran dalam novel-novel Abdullah Hussain. Analisis terhadap struktur retorik membincangkan kedudukan retorik berdasarkan tatatingkat atau batas-batas linguistik yang melibatkan struktur kata, frasa, klausa, ayat, dan wacana. Secara keseluruhannya, analisis retorik dalam novel-novel Abdullah Hussain melahirkan implikasi umum bahawa retorik berbahasa tidak terhad dan tidak terbatas kepada sesuatu bentuk pengucapan atau penulisan sahaja, malah retorik menjadi bahagian penting dalam berbahasa tidak kira dalam apa-apa situasi atau tujuan sekalipun.

Daripada kajian ini telah dikenal pasti beberapa dapatan yang khusus tentang retorik dalam novel-novel Abdullah Hussain dan dapatan umum tentang ilmu bahasa dan linguistik Melayu yang diharap akan memberi sumbangan terhadap perkembangan dan pemantapan bahasa Melayu. Dalam hal ini pengkaji mencadangkan beberapa saranan seperti yang berikut;

1. Oleh sebab kajian ini hanya terbatas kepada genre novel, dicadangkan kajian susulan yang menggunakan genre yang berbeza yang belum pernah dilaksanakan oleh mana-mana pengkaji misalnya dalam genre penulisan ilmiah, jurnal atau esei diadakan.
2. Oleh sebab kajian ini hanya melibatkan hanya novel-novel seorang pengarang iaitu Abdullah Hussain, dicadangkan kajian susulan tentang retorik diperluaskan dengan mengkaji novel-novel yang dihasilkan oleh pengarang-pengarang tersohor tanah air yang lain.
3. Oleh sebab kajian retorik ini mengaplikasi Teori Retorik Moden oleh Enos dan Brown (1993), dicadangkan kajian susulan yang lebih luas yang menggunakan teori yang berbeza.

Rujukan

- Abdullah Hussain. (1977). *Terjebak*. Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Antara.
- Abdullah Hussain. (1983). *Masuk Ke Dalam Cahaya*. Kuala Terengganu: Yayasan Islam Terengganu.
- Abdullah Hussain. (1995). *Imam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Abdullah Hussain. (1996). *Interlok*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Hussain. (2001). *Konserto Terakhir*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Asmah Hj. Omar. (1998). *Bahasa Iklan Perniagaan: Satu Kajian Bahasa Retorik*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Chong Chaik Chin. (1999). *Bahasa Gimik Dalam Iklan*. UPM: Sarjana Pendidikan.
- Enos T, Brown S. C. (1993). *Defining the New Rhetorics*. New York: Sage Publications.
- Huszaidi Hussin. (2001). *Budaya Perantau Masyarakat Makassar: Satu Kajian Novel-novel Terpilih Arenawati*. Disertasi. USM.
- Jamil Yakyah. (2000). *Laras Bahasa Iklan: Retorik dan Semantik*. UPM: Sarjana Pendidikan.
- Jumali Hj Selamat. (2001). *Cerminan Sosial dan Nilai Murni dalam Novel-novel Remaja*. Disertasi. USM.

- Kamus Dewan* (Edisi Ketiga). (1994). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Look Thien Jee. (1997). *Retorik dalam Penjualan Insurans: Satu Analisis Prinsip Kerjasama dan Prinsip Kesopanan*. Universiti Malaya: Sarjana Sastera.
- Md. Sidin Ahmad Ishak dan Mohd. Saleeh Rahamad. (1998). *Panduan Nahu dan Retorik untuk Penulisan*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Mohd Hussein Baharuddin. (1998). *Persoalan Sosial Dalam Novel-novel A. Samad Said*. Tesis Kedoktoran:UKM, Bangi.
- Nik Safiah Karim (ed). (1986). *Bahasa Melayu Tinggi: Teori dan Penerapan*. Kuala Lumpur: Persatuan Linguistik Malaysia & Nurin Enterprise.
- Octavian G. Gabor. (2002). *Penulisan Dalog dalam Falsafah dan kesusasteraan: Kajian Terhadap Crito dan Gorgias dan Nightmare Abbey oleh Peacock*. Virginia Polytechnic and State University.
- Rahman Shaari. (1993). *Memahami Gaya Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Suparman Natawidjaja. (1986). *Apresiasi Stilistika*. Jakarta: PT Intermedia.
- Sperber, D. dan Wilson, D. (1986). *Relevance: Communication and Cognition*. Oxford. Basil Blackwell.
- Stott R. dan Avery S. (2001). *Writing With Style*. England: Pearson Education Limited.